

SULIT

4

1103/2

Soalan 1**Pendahuluan**

Petikan membincangkan kebaikan/faedah/ manfaat pemberian menyumbang organ kepada pesakit organ di Malaysia.(2m)

Petikan membincangkan kebaikan/faedah/manfaat pendermaan organ di negara kita.(1m)

Isi Tersurat (Kepentingan pendermaan organ)

1. Dapat menghilangkan penderitaan yang ditanggung pesakit.(2m)
2. Membantu doktor menyelesaikan masalah perubatan.(2m)
3. Membolehkan sistem badan pesakit berfungsi secara normal(2m)
 - Membolehkan badan pesakit berfungsi secara normal.(0m)
4. Memberikan harapan baru kepada pesakit untuk terus hidup.(2m)
5. Kewujudan bank organ dapat direalisasikan(2m)
6. Pesakit tidak perlu menunggu begitu lama untuk menjalani pembedahan(2m)
7. Dapat mengurangkan risiko kematian awal(2m)
 - Dapat mengurangkan risiko kematian (1m)
8. Dapat mengikiraf kualiti dan kecekapan pakar perubatan tempatan(2m)

Isi Tersirat (Halangan untuk menderma organ)

1. Anggapan masyarakat bahawa pendermaan organ bertentangan dengan ajaran agama.(2m)
2. Alasan penderma tiada hubungan kekeluargaan dengan pesakit.(2m)
3. Anggapan menderma organ sebagai menyeksa mayat penderma.(2m)
4. Bantahan daripada keluarga penderma(2m).
5. Tiada perasaan simpati terhadap pesakit organ(2m)
6. Organ bakal penderma kadang kala tidak sesuai dengan pesakit organ(2m)
7. Diselubungi perasaan takut dibedah.(2m)

Penutup

Kesimpulannya, pendermaan organ perlu digalakkan dalam kalangan masyarakat agar pesakit organ dapat menikmati kehidupan yang sempurna. (2m)

SULIT

6

1103/2

Soalan 2(a) Petikan Umum
 Terdepan dengan amaran
 berhadapan dengan risiko - mengalami
 sumbat hidau yg bila
 /migronan seiring.

- (i) Maksud rangkai kata
 - kemungkinan mengalami bahaya [2 markah]
 - kemungkinan mengalami risiko [1 markah]
- (ii) Tiga perkara
 - Pakar perubatan perlu mendapatkan kebenaran waris.
 - Organ yang dipindahkan tidak boleh dijadikan barang dagangan.
 - Pembedahan disempurnakan dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab. [3 markah]
- (iii) Dua usaha
 - Kempen melalui media massa supaya masyarakat memperoleh maklumat yang tepat tentang kebaikan menderma organ.
 - Kerajaan mengadakan kempen pendermaan organ untuk mewujudkan masyarakat prihatin/simpati terhadap pesakit organ.
 - Mengadakan program pendaftaran sebagai penerima organ secara meluas supaya bilangan penerima organ bertambah.
 - Menubuhkan kelab penderma organ supaya dapat menarik lebih ramai ahli.
 - Kerajaan memberi banyak keistimewaan kepada penderma organ yang berdaftar supaya masyarakat tertarik untuk jadi penderma. [4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Cerpen

i. Putra mengatakan kepada Serisegala bahawa "Aku sekadar mahu berbicara dengan dirimu sebagai seorang manusia kerana ;

- Putra cukup faham bahawa haiwan yang bernama manusia hidup dengan fikiran dan perasaan [1 markah]
- Haiwan yang bernama manusia juga tidak terpisah daripada apa yang dinamakan KEMANUSIAAN [1 markah]

ii. Manfaat generasi muda perlu mengikuti perkembangan dunia semasa iaitu;

- supaya generasi muda tidak ketinggalan zaman
- supaya memiliki idea yang bermas
- generasi muda dipandang tinggi oleh masyarakat
- generasi muda dapat menghadapi cabaran / bersaing di peringkat global

iii. Satu perwatakan Putra yang terdapat dalam petikan ialah;

Berani. Contohnya, Putra berani berhadapan dengan S

Satu perwatakan Putra yang lain terdapat dalam keseluruhan drama ialah;

Penyangang. Contohnya, Putra menyayangi dan mencintai isterinya, Masayu.
Bijak. Contohnya, Putra dapat mengalahkan Serisegala dalam persaingan untuk mendapatkan kerusi yang melambangkan kekuasaan.

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

i. Maksud rangkai kata "*dari pada sangat ia ingin akan kopiah itu*" ialah

- jauhari begitu teruja / teringin sangat mahu memakai kopiah tersebut

ii. Urutan peristiwa sehingga jauhari boleh memakai kopiah kepunyaan Sabor ialah

- Sabor tiba-tiba berasa kepalanya pening
- Lalu menanggalkan kopiah di atas kepalanya
- Kopiah itu diletakkan di atas mihrab
- Allah menggerakkan hati jauhari kerana tiba-tiba dia melihat kopiah di atas mihrab dan begitu teringin untuk memakainya.

Sesorang itu tidak wajar mengambil barang milik orang lain kerana;

- berdosa dari segi agama
- menyusahkan pemilik barang tersebut mencari barangannya semula
- boleh menimbulkan pengaduhan / perselisihan dalam kalangan masyarakat
- menimbulkan kesedihan pada pemilik barang tersebut
- menyebabkan pemilik barang tersebut mengalami kerugian

i. maksud "tika gerimis menabur benih" berdasarkan sajak;

- waktu hujan renyai-renyai / rintik-rinti [2 markah]
- waktu hujan [1 markah]

ii. Tiga langkah untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan jalan raya

- kerajaan mengadakan kempen / ceramah / pameran keselamatan jalan raya
- agensi bukan kerajaan menganjurkan kempen / ceramah / pertandingan berkaitan keselamatan jalan raya
- pendedahan melalui media massa tentang kepentingan menjaga keselamatan di jalan raya
- penubuhan kelab keselamatan jalan raya di sekolah
- penguatkuasaan peraturan jalan raya dengan lebih tegas

[1 isi = 1 markah]

iii. empat persoalan yang terdapat dalam sajak ialah;

Persoalan kesabaran warga kota ketika menghadapi kesesakan jalan raya.

Persoalan kesesakan jalan raya di bandar raya / di kota

Persoalan sikap pemandu yang berlagak dan menunjukkan kehebatan ketika memandu.

Persoalan kegelisahan penduduk kota ketika berada dalam kesesakan jalan raya

Persoalan kebosanan ketika terperangkap dalam kesesakan jalan raya.

Persoalan hilangnya nilai murni pengguna jalan raya

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada

- | | | |
|-------------|---|----------|
| Soalan 3(a) | : | 6 markah |
| Soalan 3(b) | : | 6 markah |
| Soalan 3(c) | : | 6 markah |
| Soalan 3(d) | : | 6 markah |
| Soalan 3(e) | : | 6 markah |

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan diguna dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Soalan 3(a)

- (i) a. masak : sudah tua dan boleh dimakan (buah-buahan), matang 2. sudah empuk, tidak mentah lagi.
Contoh ayat: "Jangan diambil pisang itu, biarlah masak di pokok kerana rasanya lebih sedap dan manis." kata bapa. 1m
b. masak-memasak: cara memasak bermacam-macam jenis makanan (kuah-muih, lauk-pauk)
Contoh ayat: Di kampung itu diadakan kelas masak-memasak untuk kaum belia wanita. 1m
- (ii) a. tawar 1. tidak berasa apa-apa (makanan, minuman), hambar, campah, tidak cukup rasa masinnya atau rasa manisnya
Contoh ayat: Ibu saya sedang menuang air teh tawar dari teko. 1m
2. tidak masin
Contoh ayat: Air sungainya itu tawar sampai ke laut. 1m
b. tawar-menawar: saling meminta dikurangkan harganya (sewanya, tuntutan)
Penyewa bahan sewa itu sedang tawar-menawar harga sewa rumah dengan tuan punya rumah itu. 1m
- (iii) a. sandar : meletakkan belakang (bahu, dada) pada sesuatu supaya teguh atau selesa, duduk sambil bertopang (bersangga) pada
Contoh ayat: "Ayah, cuba sandar di kerusi itu ketika membaca surat khabar supaya tetap kedudukan ayah." kata Mazwin. 1m
b. sandar-menyarandar : saling bersandar, tolong-menolong, bantu-membantu: kerjasama dan bantu-membantu.
Contoh ayat: Penduduk kampung itu sentiasa hidup sandar-menyarandar menyebabkan hubungan mereka sangat kukuh. 1m

Soalan 3(b)

- (i) Dengan siapakah Haslin pergi ke padang bola?
Bagaimanakah mereka mengatasi masalah kekurangan air?
Apakah jenis penyakit yang berbahaya kepada penduduk di negara ini? 1m

Bilakah Roslan dan isterinya sampai ke rumah? 1m

Dimanakah terletaknya Gunung Korbu?

Mengapa Shafie tidak hadir ke mesyuarat?

Soalan 3(c)

- (i) a. letrik – elektrik
b. perbuatan – pekerjaan
a. perdana menteri – Perdana Menteri
b. diberikan – diberi
a. peradapan – p
b. menunjukkan –

Soalan 3(d)

- (i) a. dari – daripada
b. memantaskan – mempercepat
(ii) a. mengkaji semula pembiayaan – mengkaji pembiayaan semula
b. berhasil – berjaya
(iii) a. ke pasaran – di pasarar
b. rendah – murah

Soalan 3(e)

- (i) Kerja bertangguh tak akan menjadi, kerja beransur tak bertahan
(ii) Berani kerana benar, takut kerana salah
(iii) Hidup kayu biar berbush, hidup manusia biar berjaya

SULIT

11

1103/2

SULIT

12

1103/2

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
 iii) Beri 2 markah untuk satu bukti/alasan yang lengkap/jelas dan 2 markah bagi huraian/penjelasan berkaitan bukti tersebut
 iv) Beri 1 markah untuk 1 bukti/alasan yang kurang lengkap/kurang jelas
 v) Markah isi maksimum 4 markah
 vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
 vii) Markah bahasa diberi seperti berikut;
 Baik = 3 markah
 Sederhana = 2 markah
 Lemah = 1 markah
 viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 ix) Calon tidak menjawab 0 markah

Maksimum: 7

- b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
 iii) Beri 1 1/2 markah untuk isi yang lengkap/jelas
 iv) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
 v) Markah bahasa maksimum 2 markah
 vi) Markah bahasa diberi secara impression
 Baik = 2 markah
 Lemah = 2 markah
 vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 viii) Calon tidak menjawab 0 markah

Soalan 4(a) – Persoalan K

- (i) Kebijaksanaan menangani masalah syarikat.
 Julia menyiasat sendiri penyelewengan yang dilakukan oleh En. Baharom dengan cara menaiki bas dari Kuala Lumpur ke Banting.
- (ii) Kebijaksanaan merancang masa depan anak.
 Dato' Bakar dan Datin Maznah menghantar Julia belajar di Hidayah Islamic College, Perth, Australia agar tidak terlibat dalam gejala sosial yang tidak sihat / tidak terlibat dalam pergaulan bebas.
- (iii) Kebijaksanaan merancang masa depan syarikat.
 Dato' Bakar dan Datin Maznah menghantar Julia belajar di Australia sebagai untuk Julia mengambil alih pengurusan syarikat.
- (iv) Kebijaksanaan dalam pengurusan masa.
 Julia bijak membahagikan masa antara menguruskan syarikat dengan menjaga adik-adiknya.
- (v) Kebijaksanaan mengatur strategi untuk membangunkan syarikat.
 Julia bersetuju mengadakan kerjasama dengan syarikat Jun dalam program pelan Homestay kerana pada ketika itu Syarikat BMPRO Transport sedang mengalami kemerosotan.

PERLUMBAAN KEDUA

- (i) Kebijaksanaan memilih tempat pertandingan.
 Tuk Kura memilih lereng bukit sehingga
- (ii) Kebijaksanaan menggunakan teknik untuk bergerak pantas/
 Kelebihan menggunakan kebolehan pada diri.
 Tuk Kura sampai dahulu ke garisan penamat dengan cara melantunkan badannya dengan menggunakan cengkerang badan yang keras menuruni lereng bukit.
- (iii) Kebijaksanaan memerangkap pihak lawan
 Tuk Kura bijak dengan meminta Sang Arnab Putih menyebut sendiri syarat-syarat pertandingan tanpa bantahan agar dirinya tidak dipersalahkan jika timbul sebarang permasalahan

(iv) Kebijaksanaan membuat persediaan bagi menghadapi perlumbaan
Tuk Kura mengadakan latihan-latihan yang lasak untuk membina ketahanan fizikal dan mental sebagai persediaan menghadapi perlumbaan

Kebijaksanaan mengatur strategi perlumbaan.
Tuk Kura bersetuju dengan saranan bapa Arnab supaya pokok-pokok dan semak-se di lereng bukit dibersihkan kerana keadaan ini akan memudahkan dia melanjutkan badannya semasa perlumbaan.

4 (b) - Latar masa

- (i) Waktu kegawatan ekonomi –syarikat BMPRO Holding Sdn. Bhd. turut mengalami kemerosotan kerana kegawatan ekonomi dunia.
- (ii) Ketika jerebu melanda –jerebu melanda Asia Tenggara termasuk Malaysia yang menjelaskan operasi Syarikat BMPRO
- (iii) Pagi – pada waktu ini Rashid telah pergi ke rumah Julia untuk bertemu dengan Julia setelah ajakannya sebelum ini ditolak oleh Julia.
- (iv) Pagi – Pada pukul 6.30 pagi Julia keluar ke halaman rumah Pak Cik Khairil untuk melihat kejindahan alam sekitar.
- (v) Selepas sembahyang subuh/pagi – pada waktu ini Jun menemui Julia di tanah perkuburan Bukit Kiara untuk melamar Julia.
- (vi) Waktu pejabat (pagi) – pada waktu ini Julia memperkenalkan diri kepada kakitangan syarikat BMPRO
- (vii) Waktu pejabat – pada waktu ini Julia bertengkar dengan En Baharom di pejabat berkaitan penyelewengan yang berlaku dalam syarikat BMPRO Transport.
- (viii) Waktu pejabat – pada waktu ini En. Hashim menyerahkan surat ; jawatan sebagai pengurus kewangan kepada Julia.
- (ix) Siang – waktu perasmian program Homestay di Felda Guar Napai, oleh Perdana Menteri
- (x) Siang – Julia dan kawasan program H
- (xi) Malam – pada waktu ini Jun memperkenalkan Julia kepada ahli keluarganya di restoran Fui Gui di Hotel Istana.

PERLUMBAAN KEDUA

www.lamanbahasa.wordpress.com

- (i) 198 tahun dahulu– Tuk Kura menyaksikan perlumbaan pertama yang dimen oleh nenek moyangnya.
- (ii) Malam – anak-anak Sang Arnab mencuri telur ayam, ubi dan keledek orang kampung.
- (iii) Malam – suku sakat Tuk Kura bermalam di Padang Teberau dalam perjalanan ke padang rumput di kaki Bukit Batu.
- (iv) Pagi – perhimpunan semua binatang di padang rumput untuk dihebahkan perlumbaan kedua dan menjelaskan syarat-syarat perlumbaan.
- (v) Pagi – Sang Arnab Putih memperaga ketangkasan berlumba di tanah lapang sambil diperhatikan oleh Sang Kancil.
- (vi) Siang – Tuk Kura dan suku sakatnya berlatih .
- (vii) Siang – Sang Tedung mengintip Tuk Kura dan suku sakatnya berlatih.
- (viii) Dua purnama – jangka masa perlumbaan kedua akan dijadakan antara Tuk Kura dengan Sang Arnab Putih.
- (ix) Tengah hari – Tuk Kura berehat untuk makan tengah hari selepas menjalani latihan meniti batang tumbang pada sebelah pagi.
- (x) Tengah hari – Tuk Kura menolak pelawaan Sang Gajah yang mahu membantunya menuruni Bukit Batu selepas perhimpunan warga rimba selesai.
- (xi) Petang – Tuk Kura melatih suku sakatnya meniti batu hampar yang licin di sungai.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT